

**SOALAN LAZIM  
PROGRAM MATRIKULASI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

**KANDUNGAN**

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A. Pengenalan Program	2-7
B. Proses Permohonan	7-11
C. Proses Pemilihan dan Penempatan	12
D. Peluang Pendidikan dan Kerjaya	13-15
E. Tawaran dan Pendaftaran	16-21
F. Rayuan	21-23
G. Kebajikan	24-27

## A. PENGENALAN PROGRAM

### SOALAN 1

Bilakah Program Matrikulasi KPM ditubuhkan dan apakah keistimewaannya?

### JAWAPAN 1

Penubuhan Program Matrikulasi KPM bermula hasil daripada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 10 Mac 1999 sebagai persediaan pelajar bumiputera lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah pertama di universiti awam (UA) dalam bidang sains, teknologi dan profesional. Mulai sesi 2003/2004, 10 peratus daripada keseluruhan pelajar Program Matrikulasi KPM ditawarkan kepada pelajar bukan bumiputera.

Keistimewaan Program Matrikulasi KPM ialah:

- a) Program ini diiktiraf oleh semua UA dan turut diiktiraf oleh universiti terkemuka luar negara
- b) Program ini menawarkan pendidikan yang menyeluruh merangkumi bidang akademik dan pembangunan kemahiran insaniah. Pelajar Program Matrikulasi KPM berpeluang menyertai aktiviti-aktiviti sehingga ke peringkat kebangsaan.
- c) Lulusan Program Matrikulasi KPM akan menerima Sijil Matrikulasi yang melayakkan mereka memohon berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam pada Gred 29 dalam 39 skim perkhidmatan (Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2016 yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2017).
- d) Kos pengajian dan penginapan ditanggung oleh Kerajaan. Semua pelajar Program Matrikulasi KPM hanya perlu membayar yuran pendaftaran sahaja semasa mendaftar.
- e) Terdapat 15 buah kolej matrikulasi KPM di seluruh Malaysia dan 2 Kolej MARA yang mengendalikan Program Matrikulasi.

### SOALAN 2

Di manakah lokasi Program Matrikulasi KPM dilaksanakan?

### JAWAPAN 2

Senarai nama kolej matrikulasi KPM yang melaksanakan Program Matrikulasi KPM.

Institusi / Alamat
<b>Kolej Matrikulasi Melaka</b> Kementerian Pendidikan Malaysia, 78300 Masjid Tanah, Melaka.
<b>Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan</b> Kementerian Pendidikan Malaysia, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
<b>Kolej Matrikulasi Pulau Pinang</b> Kementerian Pendidikan Malaysia, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang.
<b>Kolej Matrikulasi Perlis</b> Kementerian Pendidikan Malaysia, 02600 Arau, Perlis.
<b>Kolej Matrikulasi Labuan</b> Kementerian Pendidikan Malaysia, Jalan OKK Daud, Merinding, Peti Surat 81735, 87027 Wilayah Persekutuan Labuan.
<b>Kolej Matrikulasi Johor</b> Kementerian Pendidikan Malaysia, Jalan Payamas, 84900 Tangkak, Ledang, Johor.
<b>Kolej Matrikulasi Perak</b> Kementerian Pendidikan Malaysia, 31600 Gopeng, Perak.
<b>Kolej Matrikulasi Kedah</b> Kementerian Pendidikan Malaysia, 06010 Changlun, Kedah.
<b>Kolej Matrikulasi Pahang</b> Kementerian Pendidikan Malaysia, 26300 Gambang, Pahang.
<b>Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Kedah</b> Kementerian Pendidikan Malaysia, Pokok Tai, 06720 Pendang, Kedah.

Institusi / Alamat
<b>Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Pahang</b> Kementerian Pendidikan Malaysia, 26400 Bandar Jengka, Pahang.
<b>Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Johor</b> Kementerian Pendidikan Malaysia, KM 5, Jalan Kukup, Mukim Rimba Terjun, 82000 Pontian, Johor.
<b>Kolej Matrikulasi Selangor</b> Kementerian Pendidikan Malaysia, Kathong Mukim Jugra, 42700 Banting, Selangor
<b>Kolej Matrikulasi Kelantan</b> Kementerian Pendidikan Malaysia, Beg Berkunci No. 3, 16810 Selising, Kelantan.
<b>Kolej Matrikulasi Sarawak</b> Kementerian Pendidikan Malaysia, Lot 216, Fasa II, Taman Perindustrian Sejingkat, Peti Surat P17, 93457 Kuching, Sarawak.
<b>Kolej MARA Kulim</b> Jalan Junjong, 09000 Kulim, Kedah.
<b>Kolej MARA Kuala Nerang</b> Lot 556, Daerah Padang Terap, 06300 Kuala Nerang, Kedah

### SOALAN 3

Apakah jurusan dan aliran yang ditawarkan?

### JAWAPAN 3

Program Matrikulasi KPM menawarkan empat jurusan iaitu:

1. Jurusan Sains:
  - a) Sains Hayat
  - b) Sains Fizikal
  - c) Sains Komputer
  
2. Jurusan Kejuruteraan:
  - a) Asas Kejuruteraan
  - b) Kejuruteraan Awam
  - c) Kejuruteraan Elektrik & Elektronik
  - d) Kejuruteraan Mekanikal
  
3. Jurusan Perakaunan
  
4. Jurusan Perakaunan Profesional

### SOALAN 4

Adakah setiap kolej matrikulasi KPM dan kolej MARA menawarkan jurusan yang sama?

### JAWAPAN 4

- Jurusan Sains ditawarkan di semua kolej matrikulasi KPM **kecuali** di Kolej Matrikulasi Kejuruteraan dan Kolej MARA Kuala Nerang.
  
- Jurusan Kejuruteraan **hanya** ditawarkan di:
  - ✓ Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Kedah
  - ✓ Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Pahang
  - ✓ Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Johor
  
- Jurusan Perakaunan ditawarkan di semua kolej matrikulasi KPM **kecuali** Kolej Matrikulasi Kejuruteraan, Kolej Matrikulasi Sarawak dan Kolej MARA Kulim.
  
- Jurusan Perakaunan Profesional **hanya** ditawarkan di Kolej Matrikulasi Selangor.

**SOALAN 5**

Berapa lama tempoh pengajian di Program Matrikulasi?

**JAWAPAN 5**

Tempoh pengajian bagi pelajar Jurusan Sains, Perakaunan, Kejuruteraan dan Perakaunan Profesional adalah selama satu tahun. Bagi Jurusan Perakaunan Profesional, pelajar akan menyambung pengajian di UiTM selama 2 ½ tahun.

**SOALAN 6**

Apakah pakej kursus yang ditawarkan dalam Program Matrikulasi KPM?

**JAWAPAN 6**

JURUSAN	ALIRAN	KURSUS TERAS	KURSUS WAJIB
Sains	Sains Hayat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Mathematics</i></li> <li>• <i>Chemistry</i></li> <li>• <i>Physics</i></li> <li>• <i>Biology</i></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>English</i></li> <li>• Pengajian Am Matrikulasi</li> <li>• Pendidikan Islam/ Moral</li> <li>• Kokurikulum</li> </ul>
	Sains Fizikal	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Mathematics</i></li> <li>• <i>Chemistry</i></li> <li>• <i>Physics</i></li> <li>• <i>Computer Science</i></li> </ul>	
	Sains Komputer	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Mathematics</i></li> <li>• <i>Chemistry</i></li> <li>• <i>Biology</i></li> <li>• <i>Computer Science</i></li> </ul>	
Kejuruteraan	Asas	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Mathematics</i></li> <li>• <i>Chemistry</i></li> <li>• <i>Physics</i></li> <li>• <i>Basic Engineering</i></li> </ul>	

JURUSAN	ALIRAN	KURSUS TERAS	KURSUS WAJIB
	Awam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Mathematics</i></li> <li>• <i>Chemistry</i></li> <li>• <i>Physics</i></li> <li>• <i>Civil Engineering</i></li> </ul>	
	Elektrik & Elektronik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Mathematics</i></li> <li>• <i>Chemistry</i></li> <li>• <i>Physics</i></li> <li>• <i>Electric &amp; Electronic Engineering</i></li> </ul>	
	Mekanikal	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Mathematics</i></li> <li>• <i>Chemistry</i></li> <li>• <i>Physics</i></li> <li>• <i>Mechanical Engineering</i></li> </ul>	
Perakaunan	-	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Mathematics</i></li> <li>• <i>Accounting</i></li> <li>• <i>Ekonomi</i></li> <li>• <i>Pengurusan Perniagaan</i></li> </ul>	
Perakaunan Profesional	-	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Mathematics</i></li> <li>• <i>Financial Accounting</i></li> <li>• <i>Management Accounting</i></li> <li>• <i>Business and Technology</i></li> </ul>	

## SOALAN 7

Bagaimanakah pencapaian akademik pelajar dinilai?

## JAWAPAN 7

Pencapaian akademik pelajar dinilai berdasarkan kaedah seperti berikut:

- i. Penilaian Berterusan (PB) – tugas individu/kumpulan, laporan amali, esei, pembentangan, ujian praktikal, forum dan lain-lain.
- ii. Ujian Penilaian Sumatif (UPS).
- iii. Peperiksaan Semester Program Matrikulasi (PSPM).

Sistem Purata Nilai Gred Semester (PNGS) dan Sistem Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) digunakan bagi menentukan pencapaian akademik pelajar.

## **B. PROSES PERMOHONAN**

### **SOALAN 8**

Bagaimanakah cara memohon Program Matrikulasi KPM?

### **JAWAPAN 8**

Mulai tahun 2021 pelajar lepasan SPM 2020 boleh memohon terus ke Program Matrikulasi KPM melalui <https://matrikulasi.moe.gov.my>.

### **SOALAN 9**

Saya tidak membuat permohonan ke Program Matrikulasi KPM tetapi saya berminat untuk mengikuti program ini? Adakah masih ada peluang untuk saya memohon lagi?

### **JAWAPAN 9**

Anda boleh membuat permohonan baru bagi kemasukan ke Program Matrikulasi KPM pada **17 – 22 Jun 2021** melalui pautan <https://matrikulasi.moe.gov.my>.

**SOALAN 10**

Apakah syarat permohonan ke Program Matrikulasi KPM?

**JAWAPAN 10****SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN**

- Pemohon mesti berumur tidak melebihi 20 tahun pada 1 Januari 2021.
- Pemohon mesti mendaftar mata pelajaran berikut dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2020.

**a. Jurusan Sains**

Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Matematik, Matematik Tambahan, Kimia dan salah satu mata pelajaran sama ada Fizik atau Biologi.

**b. Jurusan Kejuruteraan**

Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Matematik, Matematik Tambahan, Kimia, Fizik dan satu (1) daripada mata pelajaran seperti yang berikut:

Biologi/ Sains Tambahan/ Lukisan Kejuruteraan/ Pengajian Kejuruteraan Awam/ Pengajian Kejuruteraan Mekanikal/ Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik/ Asas Kelestarian/ Pertanian/ Sains Rumah Tangga/ Reka Cipta / Sains Komputer/ Sains Sukan/ Lukisan Kejuruteraan/ Grafik Komunikasi Teknikal/ Prinsip Perakaunan / Ekonomi/ Perdagangan/ Perniagaan.

**c. Jurusan Perakaunan**

Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, dan Matematik Pemohon juga perlu mengambil mana-mana tiga (3) mata pelajaran seperti yang berikut:

Fizik/ Kimia/ Biologi/ Matematik Tambahan/ Sains/ Sains Tambahan/ Lukisan Kejuruteraan/ Asas Kelestarian/ Pertanian/ Sains Rumah Tangga/ Reka Cipta / Sains Komputer/ Sains Sukan/ Lukisan Kejuruteraan/ Grafik Komunikasi Teknikal/ Prinsip Perakaunan/ Ekonomi/ Perdagangan/ Perniagaan/ Pendidikan Syariah Islamiah/ Tasawwur Islam/ Pengajian Kejuruteraan Awam/ Pengajian Kejuruteraan Mekanikal/ Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik



**d. Jurusan Perakaunan Profesional**

Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Matematik dan Matematik Tambahan. Pemohon juga perlu mengambil mana-mana dua (2) mata pelajaran seperti yang berikut:

Fizik/ Kimia/ Biologi/ Sains/ Sains Tambahan / Lukisan Kejuruteraan/ Asas Kelestarian/ Pertanian/ Sains Rumah Tangga/ Reka Cipta/ Sains Komputer/ Sains Sukan/ Grafik Komunikasi Teknikal/ Prinsip Perakaunan/ Ekonomi/ Perdagangan/ Perniagaan/ Pendidikan Syariah Islamiah/ Tasawwur Islam/ Pengajian Kejuruteraan Awam/ Pengajian Kejuruteraan Mekanikal/ Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik

**SOALAN 11**

Apakah syarat minimum permohonan ke Program Matrikulasi KPM?

**JAWAPAN 11****SYARAT KELAYAKAN MINIMUM PROGRAM MATRIKULASI**

Memperoleh sekurang-kurangnya gred berikut dalam peperiksaan SPM 2020:

- **Jurusan Sains**

C Bahasa Melayu

C Bahasa Inggeris

B Matematik

C Matematik Tambahan

C Kimia

C Fizik atau Biologi

Lulus Sejarah

- **Jurusan Kejuruteraan**

C Bahasa Melayu

C Bahasa Inggeris

B Matematik

C Matematik Tambahan

C Fizik

C dalam satu daripada mata pelajaran berikut:

Biologi/ Sains Tambahan / Lukisan Kejuruteraan/ Asas Kelestarian/  
Pertanian/ Sains Rumah Tangga/ Reka Cipta/ / Sains Komputer/ Sains  
Sukan/ Grafik Komunikasi Teknikal/ Prinsip Perakaunan/ Ekonomi/  
Perdagangan/ Perniagaan/ Pengajian Kejuruteraan Awam/ Pengajian  
Kejuruteraan Mekanikal/ Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik

Lulus Kimia

Lulus Sejarah

- **Jurusan Perakaunan**

C Bahasa Melayu

C Bahasa Inggeris

C Matematik

C dalam tiga (3) daripada mata pelajaran berikut:

Fizik/ Kimia/ Biologi/ Matematik Tambahan/ Sains/ Sains Tambahan/  
Lukisan Kejuruteraan/ Asas Kelestarian/ Pertanian/ Sains Rumah  
Tangga/ Reka Cipta/ Sains Komputer/ Sains Sukan/ Grafik Komunikasi  
Teknikal/ Prinsip Perakaunan / Ekonomi/ Perdagangan/ Perniagaan/  
Pendidikan Syariah Islamiah/ Tasawwur Islam/ Pengajian  
Kejuruteraan Awam/ Pengajian Kejuruteraan Mekanikal/ Pengajian  
Kejuruteraan Elektrik & Elektronik

Lulus Sejarah

- **Jurusan Perakaunan Profesional**

C Bahasa Melayu

A- Bahasa Inggeris

A Matematik

C Matematik Tambahan

A dalam tiga (3) daripada mata pelajaran berikut:

Fizik/ Kimia/ Biologi/ Sains/ Sains Tambahan/ Lukisan Kejuruteraan/  
Asas Kelestarian/ Pertanian/ Sains Rumah Tangga/ Reka Cipta/  
Sains Komputer/ Sains Sukan/ Lukisan Kejuruteraan/ Grafik  
Komunikasi Teknikal/ Prinsip Perakaunan/ Ekonomi/ Perdagangan/  
Perniagaan/ Pendidikan Syariah Islamiah/ Tasawwur Islam/  
Pengajian Kejuruteraan Awam/ Pengajian Kejuruteraan Mekanikal/  
Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik

Lulus Sejarah

## SOALAN 12

Bolehkah murid lepasan SPM yang tidak mengambil mata pelajaran Matematik Tambahan memohon Jurusan Perakaunan?

## JAWAPAN 12

**Boleh.** Mulai tahun 2021, Matematik Tambahan bukan merupakan mata pelajaran wajib dalam pilihan bagi Jurusan Perakaunan.

## SOALAN 13

Bolehkah murid lepasan SPM yang tidak mengambil mata pelajaran Matematik Tambahan memohon JPro?

## JAWAPAN 13

Matematik Tambahan merupakan mata pelajaran **wajib** untuk memohon JPro, Jurusan Sains dan Jurusan Kejuruteraan di Program Matrikulasi KPM.

## C. PROSES PEMILIHAN DAN PENEMPATAN

### SOALAN 14

Bagaimanakah proses pemilihan pelajar dibuat?

### JAWAPAN 14

Pemilihan pelajar dibuat berdasarkan meritokrasi. Pengiraan merit mengambil kira 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum.

### SOALAN 15

Bagaimanakah pemilihan pelajar JPPro dibuat?

### JAWAPAN 15

Pemilihan pelajar dibuat berdasarkan kelulusan syarat kemasukan Program Matrikulasi KPM iaitu syarat am, syarat minimum, pengiraan merit mengambil kira 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum, lulus ujian aptitud dan temu duga. **Hanya** ditawarkan kepada pelajar Bumiputera.

### SOALAN 16

Apa yang berlaku sekiranya saya tidak lulus ujian aptitud dan temu duga?

### JAWAPAN 16

Anda tidak akan ditawarkan ke JPPro tetapi akan ditawarkan ke Jurusan Sains/ Kejuruteraan/ Perakaunan berdasarkan permohonan.

### SOALAN 17

Adakah pelajar dari Sabah, Sarawak dan WP Labuan boleh ditempatkan di Semenanjung Malaysia?

### JAWAPAN 17

Tidak, **kecuali** pelajar yang ditawarkan **Jurusan Kejuruteraan** dan **Jurusan Perakaunan Profesional** serta kes-kes khas.

## D. PELUANG PENDIDIKAN DAN KERJAYA

### SOALAN 18

Apakah perbezaan antara Jurusan Perakaunan dengan Jurusan Perakaunan Profesional (JPPro)?

### JAWAPAN 18

Perbezaan adalah syarat kelayakan minimum dan mata pelajaran yang diambil kira dalam pengiraan merit.

ALIRAN PERAKAUNAN		ALIRAN PERAKAUNAN PROFESIONAL
Perakaunan	<b>KURSUS YANG DIPELAJARI SEPANJANG TEMPOH PENGAJIAN</b>	<i>Business and Technology</i>
Ekonomi		<i>Management accounting</i>
Pengurusan perniagaan		<i>Financial accounting</i>
Matematik		Matematik
Perakaunan, Pengurusan Perniagaan, Ekonomi, Pentadbiran Pengurusan Awam, Teknologi Maklumat, Pengurusan, Sumber Manusia, Undang-Undang dan lain-lain	<b>PELUANG KE BIDANG PENGAJIAN</b>	Sijil Akauntan Bertauliah yang dianugerahkan oleh <i>Association Of Chartered Certified Accountants (ACCA)</i> , Perakaunan, Pengurusan, Ekonomi dan lain-lain

**SOALAN 19**

Apakah keistimewaan JPro?

**JAWAPAN 19**

- *Certified Accountant* (Akauntan bertauliah) pada umur 25 tahun



- Kerjasama dengan UiTM, ACCA Malaysia dan diiktiraf oleh ACCA Global.
- Pelajar tamat dengan Sijil Matrikulasi KPM dan layak menyambung pengajian dalam bidang Perakaunan Professional di UiTM.

**SOALAN 20**

Apakah bidang yang boleh diceburi di peringkat ijazah pertama bagi setiap jurusan yang ditawarkan?

**JAWAPAN 20**

1. **Jurusan Sains** – Perubatan, Kejuruteraan, Pergigian, Farmasi, Sains, Teknologi Maklumat, Seni Bina, Kejururawatan, Sains Forensik, Sains Kesihatan Bersekutu dan lain-lain.
2. **Jurusan Kejuruteraan** – Kejuruteraan, Seni Bina, Keselamatan dan Kesihatan Pekerja dan bidang teknikal lain.
3. **Jurusan Perakaunan** – Perakaunan, Pengurusan, Perniagaan, Ekonomi, Pentadbiran Awam/ Awam, Teknologi Maklumat, Pengurusan, Sumber Manusia, Undang-Undang dan lain-lain.

4. **Jurusan Perakaunan Profesional** – Sijil Profesional Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) di UiTM, Perakaunan, Perniagaan, Ekonomi dan lain-lain.

### **SOALAN 21**

Selepas tamat JPro di matrikulasi KPM, saya tidak berminat untuk menyambung pengajian dalam bidang perakaunan, adakah saya boleh menyambung pengajian dalam bidang lain?

### **JAWAPAN 21**

Anda masih boleh menyambung pengajian lain di peringkat ijazah pertama dalam bidang selain Perakaunan Profesional seperti perakaunan, pengurusan, ekonomi dan lain-lain.

### **SOALAN 22**

Bolehkah saya memohon ke mana-mana UA selepas tamat pengajian dalam JPro?

### **JAWAPAN 22**

Keutamaan untuk pelajar menyambung pengajian dalam bidang Perakaunan Profesional di UiTM (ACCA). Pelajar yang mengikuti JPro yang lulus dan layak akan menyambung pengajian bagi mengikuti program ACCA. Bagi pelajar yang tidak memenuhi syarat kelayakan untuk menyambung program ACCA di UiTM boleh memohon untuk menyambung pengajian dalam jurusan lain di UiTM atau mana-mana universiti lain sesuai dengan kelayakan.

## E. TAWARAN DAN PENDAFTARAN

### SOALAN 23

Bagaimanakah cara untuk menyemak keputusan calon jaya ke Program Matrikulasi KPM?

### JAWAPAN 23

Calon boleh menyemak keputusan calon jaya ke Program Matrikulasi KPM melalui pautan <https://matrikulasi.moe.gov.my> mulai **8 Julai 2021 (Khamis)** pukul **3:00 petang**.

### SOALAN 24

Adakah saya akan menerima lebih daripada satu tawaran. Contoh: Program Matrikulasi KPM, asasi, diploma dan sebagainya.

### JAWAPAN 24

Ya, anda berkemungkinan akan mendapat lebih daripada satu tawaran daripada institusi yang dimohon sesuai dengan keputusan SPM anda.

### SOALAN 25

Apakah yang perlu saya lakukan untuk terima tawaran Program Matrikulasi KPM?

### JAWAPAN 25

Anda perlu:

- Layari laman sesawang <http://matrikulasi.moe.gov.my>, klik butang setuju terima, muat turun dokumen dan ikuti langkah-langkah yang dinyatakan;
- membuat pembayaran yuran di kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN) atau secara dalam talian mengikut jumlah yang ditetapkan;
- mendaftar secara dalam talian mengikut kolej masing-masing (rujuk jawapan kepada **Soalan 25**).



**SOALAN 26**

Bagaimana kaedah pendaftaran pelajar baharu Program Matrikulasi KPM tahun 2021?

**JAWAPAN 26**

Pendaftaran pelajar baharu akan dilaksanakan secara dalam talian mulai **12 hingga 22 Julai 2021**. Pelajar perlu mendaftar di laman sesawang kolej masing-masing seperti yang berikut:

Institusi / Alamat	Telefon / Faks	E-mel / Laman Web
<b>Kolej Matrikulasi Melaka</b> Kementerian Pendidikan Malaysia, 78300 Masjid Tanah, Melaka.	Tel:06-3832000 Faks:06-3847190	E-mel:kmm[ @]kmm.matrik.edu.my Laman Web: <a href="http://www.kmm.matrik.edu.my">http://www.kmm.matrik.edu.my</a>
<b>Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan</b> Kementerian Pendidikan Malaysia, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan.	Tel:06-4841825 Faks:06-4841821	E-mel:info[ @]kmns.matrik.edu.my Laman Web: <a href="http://www.kmns.matrik.edu.my">http://www.kmns.matrik.edu.my</a>
<b>Kolej Matrikulasi Pulau Pinang</b> Kementerian Pendidikan Malaysia, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang.	Tel:04-5756090 Faks:04-5757389	E-mel:info[ @]kmpp.matrik.edu.my Laman Web: <a href="http://www.kmpp.matrik.edu.my">http://www.kmpp.matrik.edu.my</a>
<b>Kolej Matrikulasi Perlis</b> Kementerian Pendidikan Malaysia, 02600 Arau, Perlis.	<a href="tel:04-9868613">Tel:04-9868613</a> , 04-9868614, 04-9868615, 04-9868616 Faks:04-9868542, 04-9868543	E-mel:info[ @]kmp.matrik.edu.my Laman Web: <a href="http://www.kmp.matrik.edu.my">http://www.kmp.matrik.edu.my</a>
<b>Kolej Matrikulasi Labuan</b> Kementerian Pendidikan Malaysia, Jalan OKK Daud, Merinding, Peti Surat 81735, 87027 Wilayah Persekutuan Labuan.	<a href="tel:087-465311">Tel:087-465311</a> , 087-465314 Faks:087-466500	E-mel: adminkml[ @]kml.matrik.edu.my Laman Web: <a href="http://www.kml.matrik.edu.my">http://www.kml.matrik.edu.my</a>
<b>Kolej Matrikulasi Johor</b> Kementerian Pendidikan Malaysia,	Tel:06-9781613 Faks:06-9781595	E-mel:info.kmj[ @]kmj.matrik.edu.my Laman Web:

Institusi / Alamat	Telefon / Faks	E-mel / Laman Web
Jalan Payamas, 84900 Tangkak, Ledang, Johor.		<a href="http://www.kmj.matrik.edu.my">http://www.kmj.matrik.edu.my</a>
<b>Kolej Matrikulasi Perak</b> Kementerian Pendidikan Malaysia, 31600 Gopeng, Perak.	<a href="tel:05-3594449">Tel:05-3594449</a> , 05-3594600 Faks:05-3594412, 05-3594413	E-mel:info[ @ ]kmpk.matrik.edu.my Laman Web: <a href="http://www.kmpk.matrik.edu.my">http://www.kmpk.matrik.edu.my</a>
<b>Kolej Matrikulasi Kedah</b> Kementerian Pendidikan Malaysia, 06010 Changlun, Kedah.	Tel:04-9286100 Faks:04-9242186	E-mel:info[ @ ]kkmk.matrik.edu.my Laman Web: <a href="http://www.kmk.matrik.edu.my">http://www.kmk.matrik.edu.my</a>
<b>Kolej Matrikulasi Pahang</b> Kementerian Pendidikan Malaysia, 26300 Gambang, Pahang.	Tel:09-5495000 Faks:09-5499612, 09-5498996	E-mel:info[ @ ]kmpk.matrik.edu.my Laman Web: <a href="http://www.kmph.matrik.edu.my">http://www.kmph.matrik.edu.my</a>
<b>Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Kedah</b> Kementerian Pendidikan Malaysia, Pokok Tai, 06720 Pendang, Kedah.	Tel:04-4682508 Faks:04-4682281	E-mel: admin.kmtk.matrik[ @ ]1govuc.gov.my Laman Web: <a href="http://www.kmkk.matrik.edu.my">http://www.kmkk.matrik.edu.my</a>
<b>Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Pahang</b> Kementerian Pendidikan Malaysia, 26400 Bandar Jengka, Pahang.	Tel:09-4677103 Faks:09-4677102	Laman Web: <a href="http://www.kmkph.matrik.edu.my">http://www.kmkph.matrik.edu.my</a>
<b>Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Johor</b> Kementerian Pendidikan Malaysia, KM 5, Jalan Kukup, Mukim Rimba Terjun, 82000 Pontian, Johor.	<a href="tel:07-6881629">Tel:07-6881629</a> , 07-6881630 Faks:07-6881631, 07-6882720	E-mel:info[ @ ]kmtj.matrik.edu.my Laman Web: <a href="http://www.kmkj.matrik.edu.my">http://www.kmkj.matrik.edu.my</a>
<b>Kolej Matrikulasi Selangor</b> Kementerian Pendidikan Malaysia, Kathong Mukim Jugra, 42700 Banting, Selangor.	Tel:03-31201410 Faks:03-31201372	E-mel: webmaster[ @ ]kms.matrik.edu.my Laman Web: <a href="http://www.kms.matrik.edu.my">http://www.kms.matrik.edu.my</a>

Institusi / Alamat	Telefon / Faks	E-mel / Laman Web
<b>Kolej Matrikulasi Kelantan</b> Kementerian Pendidikan Malaysia, Beg Berkunci No. 3, 16810 Selising, Kelantan.	Tel:09-7808000 Faks:09-7808080	E-mel: webmaster[ @]kmkt.matrik.edu.my Laman Web: <a href="http://www.kmkt.matrik.edu.my">http://www.kmkt.matrik.edu.my</a>
<b>Kolej Matrikulasi Sarawak</b> Kementerian Pendidikan Malaysia, Lot 216, Fasa II, Taman Perindustrian Sejingkat, Peti Surat P17, 93457 Kuching, Sarawak.	Tel:082-439100 Faks:082-433108	E-mel: admin[ @]kmsw.matrik.edu.my Laman Web: <a href="http://www.kmsw.matrik.edu.my">http://www.kmsw.matrik.edu.my</a>
<b>Kolej MARA Kulim</b> Jalan Junjong, 09000 Kulim, Kedah.	Tel:04-4906422 Faks:04-4906426	E-mel:info[ @]kmkulim.edu.my Laman Web: <a href="http://www.kmkulim.edu.my">http://www.kmkulim.edu.my</a>
<b>Kolej MARA Kuala Nerang</b> Lot 556, Daerah Padang Terap, 06300 Kuala Nerang, Kedah.	<a href="tel:04-7867250">Tel:04-7867250</a> , 04-7867255 Faks:04-7867254	E-mel: sysadmin[ @]kmknerang.edu.my Laman Web: <a href="http://www.kmkn.edu.my">http://www.kmkn.edu.my</a>

Sekiranya anda mengalami masalah untuk mendaftar secara dalam talian, anda boleh menghubungi pihak kolej di talian seperti dalam jadual di atas.

## SOALAN 27

Apakah yuran yang perlu dibayar oleh pelajar Program Matrikulasi KPM?

## JAWAPAN 27

Hanya yuran pendaftaran sahaja yang dikenakan. Tiada yuran lain yang dikenakan. Kos pengajian dan kos penginapan adalah ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan.

**SOALAN 28**

Berapakah yuran yang dikenakan kepada pelajar Program Matrikulasi?

**JAWAPAN 28**

<b>JURUSAN</b>	<b>YURAN (RM)</b>
Jurusan Sains	599.60
Jurusan Kejuruteraan	599.60
Jurusan Perakaunan	546.60
Jurusan Perakaunan Profesional *tertakluk kepada perubahan pertukaran matawang	Semester 1: 1,146.60
	Semester 2: 1,690.00
Sistem Empat Semester (Tahun Ke-2) bagi Jurusan Sains Tahun 2020	296.60
Sistem Dua Semester Mengulang Sesi Tahun 2020	296.60

(termasuk yuran *Malaysia University English Test* (MUET))

**SOALAN 29**

Bila dan bagaimanakah Minggu Pengurusan Pelajar Baharu dilaksanakan?

**JAWAPAN 29**

Minggu Pengurusan Pelajar Baharu akan dilaksanakan secara dalam talian pada **26 hingga 27 Julai 2021**.

**SOALAN 30**

Adakah semua pelajar di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)/ Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)/ Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)/ Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) perlu melaporkan diri di kolej matrikulasi pada Tahun 2021?

**JAWAPAN 30**

Tidak, semua pelajar akan berada di rumah masing-masing dan mengikuti pengajian bagi Semester I Tahun 2021 secara dalam talian berdasarkan jadual yang ditetapkan oleh kolej masing-masing.

**F. RAYUAN****SOALAN 31**

Bilakah saya boleh membuat rayuan sekiranya tidak mendapat tawaran kemasukan ke Program Matrikulasi KPM?

**JAWAPAN 31**

Rayuan **hanya** boleh dibuat **secara dalam talian** melalui pautan <https://matrikulasi.moe.gov.my> mulai **8 hingga 22 Julai 2021**.

Permohonan secara fizikal adalah tidak digalakkan bagi mengawal penularan COVID-19 selaras dengan arahan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

**SOALAN 32**

Bagaimanakah cara untuk menyemak keputusan rayuan ke Program Matrikulasi KPM?

**JAWAPAN 32**

Keputusan rayuan boleh disemak melalui pautan <https://matrikulasi.moe.gov.my> pada **3 Ogos 2021**. Pelajar yang berjaya perlu mendaftar pada **9 Ogos 2021**.

Keputusan adalah tertakluk kepada kekosongan tempat.

**SOALAN 33**

Saya memohon Jurusan Sains semasa mengisi borang permohonan secara dalam talian dan saya berjaya ditawarkan Jurusan Sains. Namun sekarang saya lebih berminat dengan Jurusan Perakaunan. Apa yang perlu saya lakukan?

**JAWAPAN 33**

Permohonan pertukaran jurusan adalah seperti berikut:

- Jurusan Sains ke Jurusan Perakaunan – permohonan dibuat kepada Pengarah kolej masing-masing.
- **Selain** daripada Jurusan Sains ke Perakaunan – permohonan dibuat terus ke Pengarah Bahagian Matrikulasi KPM.

Permohonan rayuan pertukaran jurusan boleh dibuat melalui pautan <https://matrikulasi.moe.gov.my> pada **8 hingga 12 Julai 2021**. Sekiranya anda membuat permohonan rayuan, anda dinasihatkan agar membuat pendaftaran secara dalam talian selepas keputusan rayuan diterima.

Keputusan rayuan pertukaran kolej akan diumumkan pada **19 Julai 2021**. Semakan boleh dibuat di <https://matrikulasi.moe.gov.my>.

Walau bagaimanapun kelulusan pertukaran adalah bergantung kepada kekosongan.

**SOALAN 34**

Bolehkah saya memohon pertukaran kolej?

**JAWAPAN 34**

Penempatan kolej adalah muktamad. Namun begitu anda boleh memohon pertukaran kolej sekiranya memenuhi syarat berikut:

1. Pelajar memerlukan rawatan perubatan berkala disebabkan sakit kronik yang berpanjangan;
2. Adik beradik ditempatkan di kolej matrikulasi yang berlainan; atau
3. Pertukaran dari Semenanjung ke Sabah/ Sarawak atau sebaliknya.

Semua permohonan rayuan pertukaran kolej boleh dibuat melalui pautan <https://matrikulasi.moe.gov.my> pada **8 hingga 12 Julai 2021**. Sekiranya anda membuat permohonan rayuan, anda dinasihatkan agar membuat pendaftaran secara dalam talian selepas keputusan rayuan diterima.

Keputusan rayuan pertukaran kolej akan diumumkan pada **21 Julai 2021**. Semakan boleh dibuat di <https://matrikulasi.moe.gov.my>.

Walau bagaimanapun kelulusan pertukaran adalah bergantung kepada kekosongan.

**SOALAN 35**

Bolehkah saya memohon pertukaran kolej sekiranya saya mengikuti JPPro?

**JAWAPAN 35**

JPPro hanya ditawarkan di **Kolej Matrikulasi Selangor**.

**SOALAN 36**

Saya memohon Jurusan Sains. Bagaimanakah aliran ditentukan dan bolehkah saya merayu ntu tukar aliran?

**JAWAPAN 36**

Penetapan aliran dalam Jurusan Sains akan dibuat selepas mendaftar di kolej masing-masing. Sekiranya anda ingin memohon pertukaran aliran, anda boleh membuat rayuan terus kepada Pengarah kolej masing-masing.

## G. KEBAJIKAN PELAJAR

### SOALAN 37

Bolehkah saya menangguh pendaftaran?

### JAWAPAN 37

Boleh, tertakluk kepada syarat berikut:

- Jika tempoh penangguhan **kurang daripada LIMA hari** dengan sebab munasabah (contoh: kematian, kemalangan dll), permohonan rasmi perlu dibuat kepada pengarah kolej yang ditawarkan; atau
- Jika **LIMA hari ATAU lebih**, permohonan rasmi secara bertulis perlu dibuat kepada Pengarah Bahagian Matrikulasi.

### SOALAN 38

Adakah saya dibenarkan untuk menangguh pengajian?

### JAWAPAN 38

Ya, anda dibenarkan sekiranya mengalami masalah kesihatan kronik yang memerlukan rawatan berterusan.

Walau bagaimanapun anda perlu mendaftar di kolej matrikulasi yang ditetapkan terlebih dahulu sebelum memohon penangguhan pengajian.

Permohonan perlu dikemukakan kepada Pengarah kolej masing-masing.



**SOALAN 39**

Adakah pelajar dari Sabah, Sarawak dan WP Labuan yang ditawarkan pengajian Program Matrikulasi KPM di Semenanjung diberikan bantuan tiket penerbangan?

**JAWAPAN 39**

Pelajar dari Sabah, Sarawak dan WP Labuan yang ditawarkan pengajian Program Matrikulasi KPM di Semenanjung layak membuat tuntutan tiket penerbangan pergi dan balik sekali sepanjang pengajian. Pelajar perlu membeli tiket penerbangan terlebih dahulu dan membuat tuntutan selepas pembelian.

Walau bagaimanapun, pelajar Sabah, Sarawak dan WP Labuan yang ditempatkan di Kolej Matrikulasi Sarawak atau Kolej Matrikulasi Labuan tidak layak membuat tuntutan tiket penerbangan.

**SOALAN 40**

Adakah saya perlu menginap di asrama sepanjang pengajian dalam Program Matrikulasi KPM?

**JAWAPAN 40**

Ya, semua pelajar diwajibkan menginap di asrama yang disediakan secara percuma.

Walau bagaimanapun, bagi **Semester I ambilan Tahun 2021**, semua pelajar akan berada di rumah masing-masing dan mengikuti pengajian secara dalam talian.

**SOALAN 41**

Adakah bantuan pendidikan disediakan?

**JAWAPAN 41**

Bagi pelajar daripada keluarga B40, M40 dengan had pendapatan isi rumah sebanyak RM10,000.00 ke bawah akan diberi bantuan sara hidup pelajar sebanyak RM1,250.00 setiap semester.

Pelajar juga boleh memohon bantuan daripada agensi luar KPM seperti Baitulmal dan Pusat Zakat.

**SOALAN 42**

Bilakah bantuan sara hidup pelajar (BSHP) akan diterima oleh pelajar?

**JAWAPAN 42**

Pelajar yang layak akan menerima BSHP selepas kolej menerima dokumen yang lengkap. Pembayaran akan dibuat terus ke akaun pelajar.

**SOALAN 43**

Saya telah menerima biasiswa daripada JPA, adakah saya masih layak untuk menerima BSHP?

**JAWAPAN 43**

Tidak kerana hanya satu biasiswa daripada agensi kerajaan sahaja layak diterima oleh pelajar.

Walau bagaimanapun, pelajar boleh menerima bantuan daripada agensi luar seperti Pusat Zakat Negeri, Baitulmal dan lain-lain.

**SOALAN 44**

Sekiranya saya mengalami masalah untuk mengikuti pengajian secara dalam talian apakah yang saya perlu lakukan?

**JAWAPAN 44**

Anda boleh menghubungi kolej anda untuk maklumat lanjut. Pihak kolej akan memberi bantuan yang sewajarnya bagi membolehkan semua pelajar Program Matrikulasi KPM dapat mengikuti pengajian dengan sempurna.

**SOALAN 45**

Apakah syarat kelayakan pelajar untuk menerima Sijil Matrikulasi KPM?

**JAWAPAN 45**

Pelajar layak menerima Sijil Matrikulasi KPM jika memenuhi syarat-syarat seperti yang berikut:

- i. Berdaftar sebagai pelajar Program Matrikulasi KPM.
- ii. Mengambil sekurang-kurangnya empat kursus teras dan empat kursus wajib yang ditetapkan di Program Matrikulasi KPM.
- iii. Menamatkan pengajian Program Matrikulasi KPM dalam tempoh yang ditetapkan dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.0.

**SOALAN 46**

Adakah saya akan dikenakan penalti jika berhenti sebelum tamat pengajian Program Matrikulasi KPM?

**JAWAPAN 46**

Ya, anda dikehendaki membayar penalti mengikut Fasal 7 yang dinyatakan dalam Perjanjian Pengambilan dan Pembiayaan Pelajar Program Matrikulasi KPM (PPM/BM.1/99-Pin-3).

**SOALAN LAZIM  
PROGRAM MATRIKULASI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**DISEDIAKAN OLEH**

**Bahagian Matrikulasi  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Kemas kini pada 15 Jun 2021**